

# ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN

ISSN 2735-0525

EDISI 1, 2024

**REKABENTUK DALAMAN**  
*Pengaruh Psikologi Pelanggan*

Kejayaan Media Sosial Dalam Industri  
Perniagaan:  
Konteks Perniagaan Viral Menuju Era IR4.0

**Pengubahan Wang & Pengelakan Cukai:**  
*Kesan Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik*

**PASCA PANDEMIK:**  
*10 Idea Trending*  
*Perniagaan Kecil di Malaysia*

**SYAQIST**  
*PENERAJU*  
**CADAR PATCHWORK**  
**PREMIUM**

**TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN**  
*RAHMAT ATAU SUMPAHAN?*

## TEKNOLOGI

# TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN: RAHMAT ATAU SUMPAHAN?


Maziah Mohamed Arif dan Nooraza Tukiran

**S**ebelum memulakan perbincangan, mari kita lihat apa maksud teknologi.

Teknologi merangkumi beberapa *cabang sains dan kajian*, seperti *teknologi maklumat, teknologi perubatan, bioteknologi, dan lain-lain*. Ia juga melibatkan pembangunan dan penggunaan alat, mesin, bahan, dan proses untuk menyelesaikan masalah manusia dalam kehidupan seharian. Berdasarkan definisi tersebut, tidaklah menghairankan jika banyak perniagaan bergantung kepada teknologi sebagai kepakaran (*niche*) mereka. Contohnya termasuk Google, Amazon, Microsoft, dan banyak lagi.

## Kenapa memilih Teknologi Baru?

Teknologi penting dalam perniagaan kerana ia melibatkan literasi komputer, komunikasi, dan proses penyelesaian masalah dalam melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan efektif. Yang penting, perlu ada keharmonian antara teknologi dan perniagaan untuk memastikan daya saing. Jika ini tercapai, sudah pasti syarikat dapat memaksimumkan hasil.



Banyak kebaikan yang boleh diperolehi dengan teknologi. Berikut disenaraikan di antara kebaikannya:

- **Menjimatkan masa dan keberkesanan kos**
- **Meningkatkan kualiti produk**
- **Menghasilkan inovasi**
- **Meningkatkan produktiviti**
- **Mengarahkan proses kerja yang lebih sistematik**
- **Meningkatkan skil pekerja**
- **Meningkatkan daya saing**
- **Meningkatkan imej dan kredibiliti syarikat**
- **Memperbaiki mobiliti perniagaan**
- **Memudahkan promosi dan meluaskan pasaran global**
- **Meningkatkan kualiti perkhidmatan**

Ramai beranggapan bahawa teknologi adalah positif dan tidak mempertimbangkan keburukan yang boleh berlaku. Artikel ini bertujuan untuk memberikan gambaran tentang impak negatif yang mungkin timbul seiring dengan kemajuan teknologi.

**B**ukan sahaja di peringkat syarikat atau perniagaan, banyak negara maju juga menggalakkan penggunaan teknologi. Malaysia tidak ketinggalan dalam hal ini.

Dasar Bioteknologi Negara 2.0, yang dilancarkan pada September 2022 oleh *Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)*, merupakan satu inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi menjelang 2030. Kejayaan dasar ini boleh dilihat daripada keupayaan 488 syarikat berstatus BioNexus dan Bio-based Accelerator (BB) yang menjana pendapatan sebanyak RM20.4 bilion sehingga tahun 2023, serta memberikan peluang latihan dan pekerjaan kepada lebih 1,800 graduan sejak 2021.

### **Cabaran dan Impak Teknologi**

Lumrah kehidupan, segala sesuatu yang dicipta manusia pasti mempunyai baik dan buruknya, termasuk teknologi. Contohnya, dalam filem "The Gods Must Be Crazy," cerita bermula dengan sebiji botol soda yang jatuh di perkampungan orang asli Afrika, di mana mereka tidak pernah melihatnya sebelum ini. Pada mulanya, semua penduduk menggunakan dan menyukainya, tetapi kemudiannya perebutan terhadap botol tersebut mencetuskan pergaduhan dan kecederaan di kalangan mereka. Walaupun filem ini bergenre komedi, ia jelas menunjukkan bahawa teknologi boleh mendatangkan kemudaratan jika tidak diurus dengan betul.



Dalam menguruskan teknologi, syarikat sering menghadapi cabaran baru, antaranya:

- *Penyusunan semula syarikat*
- *Duplikasi kerja*
- *Wujud bidang kerja yang tidak relevan lagi*
- *Lebih pekerja yang tidak produktif*
- *Pekerja kurang pengetahuan dan skil dengan teknologi baru*
- *Kos operasi yang tidak cekap*
- *Peningkatan penggunaan mesin*

Kebelakangan ini, terdapat syarikat yang memberhentikan pekerja mereka apabila menghadapi isu tersebut. Pemberhentian pekerja pada skala kecil adalah amalan biasa, tetapi sejak 2-3 tahun kebelakangan ini, semakin banyak syarikat yang melakukannya secara besar-besaran dan berperingkat.

## Pemberhentian Pekerja Secara Skala Besar

Secara amnya, pada bulan pertama tahun ini, lebih 55,000 pekerja teknologi dari syarikat gergasi seperti Google, Amazon, Microsoft, dan lain-lain telah diberhentikan di seluruh dunia. Dasar Bioteknologi Negara 2.0, yang dilancarkan pada September 2022 oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), adalah satu inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi menjelang 2030. Kejayaan dasar ini dapat dilihat daripada keupayaan 488 syarikat berstatus BioNexus dan Bio-based Accelerator (BB) yang telah menjana pendapatan sebanyak RM20.4 bilion sehingga tahun 2023, serta memberi peluang latihan dan pekerjaan kepada lebih 1,800 graduan sejak 2021.

Bukan itu sahaja, pekerja sektor industri automotif juga terkesan. Syarikat utama seperti Ford dan GM sebelum ini memberhentikan 3,200 pekerja di Eropah. Manakala Stellantis pula akan menghentikan operasi di sebuah kilang yang melibatkan 1,350 pekerja yang kehilangan pekerjaan. Berbeza dengan industri automotif, faktor wabak menjadi sebab utama syarikat-syarikat automotif mengecilkan saiz syarikat. Selain itu, terdapat keperluan untuk pakar dalam teknologi, elektrifikasi, bateri, dan perisian.



Lambakan pekerja yang diberhentikan boleh menyebabkan kadar pengangguran meningkat ke paras yang membimbangkan. Kadar pengangguran yang tinggi boleh memberi impak negatif kepada individu, komuniti, dan ekonomi negara. Selain itu, kesan wabak COVID-19 turut menyaksikan syarikat Malaysia seperti AirAsia mengurangkan tenaga kerjanya.



Impak pemberhentian pekerja pada skala besar boleh dilihat dari tiga peringkat utama: individu, komuniti, dan ekonomi negara. Pada tahap individu, pemberhentian pekerja boleh menyebabkan pengurangan pendapatan yang mempengaruhi kesihatan fizikal dan emosional mereka, serta memberi kesan negatif kepada ahli keluarga. Di peringkat komuniti, impak negatif termasuk peningkatan kadar kemiskinan, perumahan yang berkualiti rendah, peluang pekerjaan yang berkurangan, serta akses terhad kepada pengangkutan awam dan sekolah yang kurang berkualiti. Dari segi ekonomi, kesan termasuk penurunan kuasa beli, kurang sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara, dan pengurangan peluang pekerjaan.

## Kesimpulan

**T**idak dinafikan bahawa teknologi memberi manfaat kepada pengguna dan syarikat, tetapi pada masa yang sama, ia juga boleh mendatangkan kemudaratan, terutamanya apabila pekerja diberhentikan.

Pada skala besar, majikan perlu mengkaji sama ada langkah memberhentikan pekerja adalah jalan terbaik dalam menguruskan teknologi. Mereka perlu menilai keputusan tersebut dengan teliti kerana keputusan ini boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap ekonomi negara.

